



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA TAHUN 2024

Pada minggu epidemiologi terakhir bagi tahun 2024 iaitu Minggu Epidemiologi ke-52 tahun 2024, sebanyak 1,341 kes demam denggi dan satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan, berbanding 1,407 kes dan dua (2) kematian pada minggu sebelumnya. Secara kumulatif, jumlah keseluruhan kes demam denggi pada tahun 2024 adalah sebanyak 122,423 kes dengan 117 kematian, berbanding 123,133 kes dan 100 kematian pada tahun 2023. Pada awal tahun 2024, bilangan kes yang dilaporkan melebihi 3,000 kes seminggu. Namun begitu, sejak Minggu Epidemiologi ke-44 purata kes mingguan telah menurun dengan ketara kepada sekitar 1,200 hingga 1,500 kes sahaja dan berada di bawah paras median lima (5) tahun.

Terdapat 22 lokaliti aktif hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-52 berbanding 18 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 22 lokaliti yang dilaporkan, 12 lokaliti di Selangor, lima (5) lokaliti di Negeri Sembilan, tiga (3) lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, satu (1) lokaliti di Pahang dan satu (1) lokaliti di Pulau Pinang.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berganding bahu dalam usaha mengawal penyebaran demam denggi sepanjang tahun 2024. Kejayaan menurunkan kes denggi ke tahap di bawah median lima (5) tahun ini merupakan hasil usaha berterusan dan komitmen semua pihak. Namun, cabaran yang lebih besar dijangka menanti pada tahun 2025, khususnya dengan perubahan cuaca yang tidak menentu, peningkatan aktiviti pembangunan serta mobilisasi masyarakat yang boleh memberi impak kepada usaha pencegahan dan kawalan denggi di negara ini. Sehubungan itu, KKM menyeru seluruh masyarakat untuk terus memperkukuh langkah pencegahan, khususnya melalui pelaksanaan aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan *Aedes* demi memastikan kejayaan ini kekal berterusan dan risiko penyebaran wabak denggi dapat diminimumkan. **Tiada *Aedes*, tiada denggi.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
6 JANUARI 2025